

PNB

KENYATAAN MEDIA

29 Ogos 2025

Memetik:

Permodalan Nasional Berhad (PNB)

PETIKAN

Merujuk kepada beberapa laporan berita, seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, Permodalan Nasional Berhad (PNB) kini sedang menjalankan semakan strategik terhadap pelaburannya dalam Kumpulan Prolintas sebagai sebahagian daripada proses penilaian portfolio yang dijalankan secara berkala. Inisiatif ini bertujuan untuk mengenal pasti peluang bagi meningkatkan nilai jangka panjang demi manfaat para pemegang unitnya. Semakan ini merangkumi beberapa pilihan strategik, termasuk mengekalkan pemilikan aset tersebut atau membawa masuk rakan strategik. Sebagai sebahagian daripada semakan strategik ini, PNB mengesahkan bahawa perbincangan sedang berlangsung dengan beberapa pihak, namun proses ini masih di peringkat awal dan tiada keputusan telah dibuat berhubung perkara ini.

PNB menegaskan bahawa semua keputusan pelaburan dibuat berdasarkan proses tadbir urus yang teliti, seiring mandat dan objektif pelaburan jangka panjangnya. Dalam menilai pilihan-pilihannya, PNB mengambil kira kepentingan penyertaan Bumiputera dan institusi, serta memastikan kepentingan rakyat terus menjadi keutamaan dalam sebarang kemungkinan hasil.

Berhubung perkara di atas, PNB tidak dapat memberikan sebarang komen terhadap spekulasi pasaran. Sebarang perkembangan penting akan dimaklumkan melalui saluran yang sesuai sejajar dengan keperluan badan kawal selia.

PENUTUP

Terima kasih.